JAMIL JAYA SAID

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR
AHMADI ASNAWI PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-13-2009]
26 JUN 2009

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Kesetimpalan - Mencabul kehormatan, merogol, menyetubuhi di luar tabii kanak-kanak di bawah umur - Pemenjaraan dan sebatan - Tempoh penjara 20 tahun diperintah berjalan berasingan dengan tempoh 40 tahun penjara yang sedang dijalani tertuduh - Sama ada satu hukuman yang kejam - Sama ada harus berjalan serentak - Perintah 24 sebatan - Sama ada harus dikekalkan - Kanun Keseksaan, ss. 354, 376, 377*

Perayu, 36 tahun, telah mengaku salah terhadap tiga pertuduhan di bawah ss. 354, 377A dan 376 Kanun Keseksaan ('Kanun') dan dijatuhkan hukuman enam tahun penjara, sepuluh tahun penjara/4 sebatan rotan dan 20 tahun penjara/20 sebatan rotan masing-masingnya ('kes semasa'). Mangsa dalam ketiga-tiga pertuduhan adalah seorang kanak-kanak perempuan berumur 13 tahun 10 bulan. Fakta menunjukkan bahawa ketika hukuman-hukuman di atas dijatuhkan, perayu sedang menjalani hukuman pemenjaraan bagi beberapa kesalahan lain, iaitu: (i) kesalahan-kesalahan di bawah ss. 376, 365 dan 377C Kanun yang dilakukan terhadap seorang kanak-kanak berumur 10 tahun 3 bulan di mana beliau dihukum 20 tahun penjara/20 sebatan rotan, tujuh tahun penjara dan 20 tahun penjara/4 sebatan masing-masingnya; dan (ii) kesalahan-kesalahan di bawah ss. 376 dan 377B Kanun yang dilakukan terhadap seorang kanak-kanak perempuan berumur 9 tahun 11 bulan di mana beliau dihukum 20 tahun penjara/12 sebatan dan 18 tahun penjara/10 sebatan masing-masingnya ('kes-kes lain'). Yang arif hakim bicara, dalam menjatuhkan hukuman-hukuman bagi kes semasa, telah mengarahkan supaya ketiga-tiga hukuman pemenjaraan berjalan secara serentak, tetapi bermula dari tarikh perayu selesai menjalankan hukumannya di bawah kes-kes lain. Tidak berpuas hati dengan perintah ini, perayu merayu dan berhujah bahawa perintah sepertimana yang dibuat hakim bicara adalah terlalu berat, memandangkan tempoh pemenjaraan bagi kes-

A kes lain yang dijatuhkan terhadapnya, secara kolektif, sudah pun menjangkau 40 tahun. Di samping itu, perayu juga merayu agar jumlah 24 sebatan yang dijatuhkan ke atasnya di sini dikurangkan.

Diputuskan (membenarkan rayuan sebahagiannya):

B **(1)** Jika hukuman penjara dalam kes semasa (20 tahun) diperintah berjalan secara berasingan selepas perayu menjalani hukuman 40 tahun penjara bagi kes-kes lain, ianya bererti perayu perlu menjalani hukuman penjara selama 60 tahun. Pada pengamatan saya, untuk seseorang itu menjalani hukuman penjara selama C 60 tahun adalah satu hukuman yang excessive, walaupun melibatkan tiga kes yang berlainan. Hukuman sedemikian akan menjadi satu hukuman yang kejam serta tidak membawa apa-apa faedah kepada sesiapa, malah akan menggagalkan tujuan hukuman itu dikenakan. Oleh itu, dan atas dasar perikemanusiaan D semata-mata, saya membenarkan rayuan perayu supaya hukuman pemenjaraan dalam kes semasa berjalan secara serentak dengan hukuman-hukuman yang dijatuhkan di dalam kes-kes lain tersebut. (perenggan 7, 8 & 9)

E **(2)** Rayuan perayu agar hukuman sebatan 24 rotan terhadapnya dikurangkan ditolak. Perayu perlu dihukum secara fizikal di atas 'pain, suffering, mental anguish dan trauma' yang dialami oleh mangsa. Mangsa, yang masih mentah dan naïf, telah melalui satu pengalaman yang sungguh mengerikan di tangan perayu. F Manakala perbuatan perayu pula tidak pun boleh dibandingkan dengan perbuatan binatang, kerana binatang, walau liar semacam mana sekalipun, tidak akan melakukan perbuatan seperti yang dilakukan oleh perayu. (perenggan 9)

G **Perundangan yang dirujuk:**
Penal Code, ss. 365, 376, 377B, 377C

Bagi pihak tertuduh/perayu - Hadir sendiri
Bagi pihak pendakwaan/responden - Nur Irmawatie Daud TPR

H *Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad*

I

PENGHAKIMAN

Ahmadi Asnawi PK:

[1] Perayu telah mengaku salah atas ketiga-tiga pertuduhan berikut:

Pertuduhan Pertama

> Bahawa kamu pada 26.3.2007, jam lebih kurang antara 1.00 tengahari, di kawasan XXX, dalam daerah Muar, didalam Negeri Johor dalam sebuah kereta Proton Saga Aeroback No. Pendaftaran JBR 8723, telah menggunakan kekerasan jenayah kepada seorang kanak-kanak perempuan ... (butir-butir mangsa seperti dalam kertas pertuduhan asal) (umur 13 tahun 10 bulan) dengan niat mencabul kehormatannya dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 354 Kanun Keseksaan.

Perayu telah dikenakan hukuman penjara enam tahun atas kesalahan ini oleh hakim bicara yang bijaksana.

Pertuduhan Kedua

> Bahawa kamu pada 26.3.2007 jam lebih kurang 1.30 tengah hari, di kawasan XXX, dalam Daerah Muar, di dalam Negeri Johor, dalam sebuah kereta Proton Saga Aeroback No. Pendaftaran JBR 8723 dengan sengaja telah melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii iaitu dengan memasukkan zakar kamu ke dalam mulut ... (seorang kanak-kanak perempuan, butir-butir mangsa seperti dalam pertuduhan asal) (umur 13 tahun 10 bulan) tanpa kerelaannya/bertentangan dengan kemahuannya dengan meletakkan ketakutan kematian atau kecederaan kepada orang lain, dengan itu kamu telah melakukan kesalahan mengikut s. 377A Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah s. 377C Kanun Keseksaan.

Perayu telah dikenakan hukuman sepuluh tahun penjara dan empat sebatan rotan atas kesalahan ini oleh hakim bicara yang bijaksana.

Pertuduhan Ketiga

> Bahawa kamu pada 26.3.2007 diantara jam lebih kurang 3.00 petang hingga 6.00 petang di dalam sebuah rumah alamat XXX, dalam Daerah Melaka Tengah, di dalam Negeri Melaka telah merogol ... (seorang kanak-kanak

perempuan butir-butir mangsa seperti dalam pertuduhan asal) (umur 13 tahun 10 bulan) dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 376 Kanun Keseksaan.

Perayu telah dikenakan hukuman 20 tahun penjara dan 20 sebatan rotan atas kesalahan ini oleh hakim bicara yang bijaksana.

[2] Hakim bicara yang bijaksana telah mengarahkan ketiga-tiga hukuman pemenjaraan di atas berjalan serentak, tetapi bermula setelah perayu selesai menjalani hukuman-hukuman penjara dalam Mahkamah Sesyen Muar Kes Jenayah No. 62-19-2007 (Rayuan Jenayah Mahkamah Tinggi Malaya di Muar No. 42-13-2008) dan dalam Mahkamah Sesyen Muar Kes Jenayah No. 62-20-2007 (Rayuan Jenayah Mahkamah Tinggi Malaya di Muar No. 42-6-2008) atas alasan bahawa ketiga-tiga kesalahan yang dilakukan oleh perayu dalam kes yang sedang dirayukan ini adalah melibatkan mangsa-mangsa yang berlainan dan dilakukan pada tarikh-tarikh yang berlainan dari kes No. 62-19-2007 dan kes No. 62-20-2007. Hakim bicara yang bijaksana menambah jika mahkamah mengarahkan hukuman-hukuman penjara dalam kes ini berjalan serentak dengan hukuman penjara dalam kes No. 62-19-2007 dan 62-20-2007 perayu kelihatan tidak dihukum langsung bagi ketiga-tiga kesalahan ini yang merupakan suatu kesalahan yang berat dan kejam.

[3] Mahkamah Sesyen Muar Kes Jenayah No. 62-19-2007 (Rayuan Jenayah Mahkamah Tinggi Malaya di Muar No. 42-13-2008) melibatkan kanak-kanak perempuan yang baru berumur sepuluh tahun tiga bulan. Perayu dituduh:

(i) Merogol kanak-kanak tersebut, suatu kesalahan di bawah s. 376 Kanun Keseksaan dan telah dihukum selama 20 tahun penjara dan 20 kali sebatan dengan rotan.

(ii) Mencolek dan melarikan kanak-kanak tersebut dengan paksa, satu kesalahan di bawah s. 365 Kanun Keseksaan dan telah dihukum penjara selama tujuh tahun.

(iii) Melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii iaitu memasukkan zakarnya ke dalam dubur kanak-kanak tersebut, satu kesalahan di bawah s. 377C Kanun Keseksaan dan telah dihukum penjara selama 20 tahun dan empat kali sebatan dengan rotan.

Ketiga-tiga hukuman penjara ini telah diperintahkan dijalankan serentak dan bermula selepas perayu menjalani hukuman-hukuman penjara dalam kes 62-20-2007.

[4] Mahkamah Sesyen Muar Kes Jenayah No. 62-20-2007 (Rayuan Jenayah Mahkamah Tinggi Malaya di Muar No. 42-6-2008) melibatkan kanak-kanak perempuan yang baru berumur sembilan tahun 11 bulan. Perayu dituduh:

(i) Merogol kanak-kanak tersebut, suatu kesalahan dibawah s. 376 Kanun Keseksaan dan telah dihukum selama 20 tahun penjara dan 12 kali sebatan dengan rotan.

(ii) Melakukan persetubuhan diluar tabii iaitu memasukkan zakarnya ke dalam mulut kanak-kanak tersebut, satu kesalahan di bawah s. 377B Kanun Keseksaan dan telah dihukum penjara selama 18 tahun dan 10 kali sebatan dengan rotan.

[5] Dalam rayuan untuk kes yang sekarang ini ada di hadapan saya (Rayuan Jenayah Mahkamah Tinggi Malaya di Muar No. 42-13-2009/ Mahkamah Sesyen Kes Jenayah No. 62-21-2007) yang mana butir-butirnya telah diperincikan di awal penghakiman ini, perayu merayu agar hukuman-hukuman yang dikenakan itu dapat dijalankan serentak dengan hukuman-hukuman dalam kes jenayah Mahkamah Sesyen Muar No. 62-19-2007 (Rayuan Jenayah Mahkamah Tinggi Malaya di Muar No. 42-13-2008) dan kes jenayah Mahkamah Sesyen Muar No. 62-20-2007 (Rayuan Jenayah Mahkamah Tinggi Malaya di Muar No. 42-6-2008) (selepas ini disebut sebagai kedua-dua kes yang lain tersebut). Beliau menyatakan beliau telahpun berumur 36 tahun sekarang ini dan tempoh pemenjaraan untuk kedua-dua kes lain tersebut di atas yang telah diperintahkan supaya dijalankan secara konsekutif adalah 40 tahun. Paling awal beliau boleh keluar daripada penjara ialah pada tahun 2033 yang mana umurnya ketika itu sekitar 60 tahun. Beliau juga memohon agar jumlah sebatan dikurangkan. Jumlah sebatan untuk kedua-dua kes lain tersebut di atas adalah 46 sebatan. Untuk kes ini pula adalah 24 sebatan. Jadi jumlah sebatan untuk ketiga-tiga kes adalah 70 sebatan.

[6] Saya telah mengamati keseluruhan alasan-alasan hakim bicara yang bijaksana dan bersetuju sepenuhnya dengan alasan-alasan yang diunjurkan oleh beliau seperti yang terkandung dalam ms 21 hingga 23 rekod rayuan kenapa penjenayah seperti perayu ini perlu

dikenakan hukuman yang berat, setimpal dengan perbuatan keji serta zalim yang telah beliau lakukan terhadap mangsa-mangsanya. Saya juga bersetuju sepenuhnya dengan hakim bicara yang bijaksana kenapa hukuman-hukuman dalam kes ini perlu dijatuhkan secara berasingan/konsekutif dengan hukuman-hukuman yang dikenakan dalam kedua-dua kes yang lain tersebut.

[7] Namun atas dasar perikemanusiaan semata-mata, saya membenarkan rayuan perayu agar hukuman-hukuman untuk kes ini dijalankan serentak dengan hukuman-hukuman yang dikenakan terhadap beliau dalam kedua-dua kes yang lain tersebut. Ini memandangkan dalam kedua-dua kes yang lain tersebut, perayu perlu menjalani hukuman penjara selama 40 tahun secara kolektifnya. Jika hukuman dalam kes sekarang ini (20 tahun penjara) juga diperintah supaya berjalan secara berasingan/konsekutif selepas perayu menjalani hukuman 40 tahun penjara tersebut, ini bermakna perayu perlu menjalani hukuman penjara selama 60 tahun. Beliau mungkin akan mati dalam penjara dalam keadaan sebegini.

[8] Pada pengamatan saya untuk seseorang itu menjalani hukuman penjara selama 60 tahun ia adalah satu hukuman yang excessive. Tidak kiralah samada ia melibatkan tiga kes yang berlainan. Hukuman itu akan menjadi hukuman yang kejam, yang tidak membawa apa-apa faedah kepada sesiapa malah ianya dengan sendiri mengagalkan tujuan (defeat the purpose) hukuman itu dikenakan. Dengan demikian saya membenarkan rayuan perayu supaya hukuman pemenjaraan dalam kes ini dijalankan serentak dengan hukuman-hukuman dalam kedua-dua kes yang lain tersebut. Maka saya tidak tahu kenapa perayu memfailkan rayuannya ke Mahkamah Rayuan supaya hukuman yang dikenakan itu dapat dikurangkan lagi.

[9] Saya juga telah menolak rayuan perayu dalam kes ini agar hukuman sebatan ke atasnya sebanyak 24 sebatan itu dapat dikurangkan. Perayu perlu dihukum secara fizikal di atas pain, suffering, mental anguish dan trauma yang dialami oleh mangsa. Mangsa ketika itu baru berumur 13 tahun 10 bulan, masih mentah lagi naif. Dalam usia yang sebegitu muda, beliau telah melalui satu pengalaman yang sungguh mengerikan ditangan perayu yang langsung tidak mempunyai perasaan belas kasihan. Tempoh bersama OKT daripada jam 1.30 tengahari hingga jam 6.30 petang

pada hari berkenaan adalah satu tempoh yang sungguh mengerikan lagi menakutkan bagi mangsa. Tidak dapat dibayangkan apakah perasaan mangsa ketika itu. Berapa kali mangsa meraung memanggil ibu/ayah mohon bantuan tidaklah dapat diketahui. Namun perayu tidak memikirkan semua perkara- perkara ini melainkan nafsu serakahnya sahaja. Perbuatan perayu tidak boleh dibandingkan dengan perbuatan binatang kerana binatang, walau liar macam mana sekalipun tidak akan melakukan perbuatan seperti yang dilakukan oleh perayu. Mungkin perayu adalah kembar iblis yang bertopengkan manusia.

[10] *Modus operandi* yang digunakan oleh perayu untuk memerangkap mangsa adalah sama dengan *modus operandi* yang digunakan untuk memerangkap kedua mangsa dalam kedua-dua kes yang lain tersebut iaitu OKT akan memberhentikan keretanya dan mempelawa/menarik mangsa-mangsa yang masih kanak-kanak itu ke dalam kereta dan membawa mangsa ke tempat lain untuk dirogol/ diliwat.

[11] Dalam kes ini, mangsa yang sedang dalam perjalanan ke sekolahnya telah ditahan dan seterusnya ditarik oleh perayu masuk ke keretanya dibawa ke satu tempat lain seperti dalam pertuduhan pertama dan kedua di atas. Semasa di tempat tersebut perayu telah mengugut dan memaksa mangsa dan seterusnya telah mencabul mangsa dengan memegang serta menghisap kedua-dua buah dada mangsa dan seterusnya memasukkan zakarnya ke dalam mulut pengadu. Kesemua kejadian ini berlaku dalam kereta perayu. Selepas itu perayu telah membawa mangsa balik ke rumahnya dan telah merogol mangsa dirumah tersebut.

[12] Nyata sekali perayu telah bertindak secara keji, kejam dan tanpa perikemanusiaan terhadap perayu. Kesalahan yang telah dilakukan oleh perayu adalah amat serious lagi berat. Maka perayu sendiri perlu merasai pain, suffering, mental anguish, trauma dan kengerian yang dialami oleh mangsa pada masa itu dan besar kemungkinan sepanjang hayatnya.

[13] Dengan itu saya menolak rayuan perayu supaya hukuman sebatan dengan rotan sebanyak 24 kali sebatan itu dikurangkan. Wajar sekali perayu merasai apa yang dirasai oleh mangsa dalam kes ini.